

# 12 syarikat gagal manfaat Projek Pertanian Moden

**K**UALA LUMPUR: Dua belas syarikat yang terbabit dalam Projek Pertanian Moden di Kluang, Johor, didapati gagal memanfaatkan sepenuhnya tanah seluas 2,000 hektar yang diagihkan untuk projek berkenaan.

Berikutan itu, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Noh Omar, berkata kementeriannya kini dalam proses untuk membatalkan nama semua syarikat terbabit daripada projek berkenaan.

Beliau berkata, dalam lawatannya ke tapak projek itu baru-baru ini, didapati syarikat yang sepatutnya menjalankan ternakan pada skala besar mengikut keluasan tanah berbeza tidak menepati syarat ditetapkan.

“Kerajaan menerusi Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) mengagihkan 2,000 hektar tanah untuk projek itu kepada beberapa syarikat. Ada yang dapat 400 hektar dan yang dapat 200 hektar.

“Apabila saya turun lawat, tanah ini tidak digunakan sebagai mana sepatutnya, maka ini merugikan kementerian dan pihak lain. Sebelum ini syarikat berjanji hendak menernak 1,000 hingga 2,000 ternakan, tapi bila dapat tanah, belah 300 ternakan saja.

“Kita sedang membuat kajian mengenainya untuk dibawa kepada Kabinet bagi membatalkan (penyer-taan) 12 syarikat terbabit ini mengikut peraturan dan prosedur, sebelum tanah itu diagihkan kepada syarikat lain yang boleh memajukannya,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada sidang media selepas merasmikan Majlis Penyerahan Input Projek Penggerak Ekonomi (EPP) Ke-13 Kluster Susu disertai 212 penternak Semenanjung Malaysia di Menara Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) di sini, semalam.